

## **KERAJAAN NEGERI KELANTAN**

### **ARAHAN PENGARAH TANAH DAN GALIAN KELANTAN BILANGAN 1 TAHUN 2016**

#### **Perisytiharaan Rizab Sungai Di Bawah Subperenggan 13(I)(ii)(a) Kanun Tanah Negara 1965 Dan Kuasa Pegawai Yang Diwakilkan Kuasa**

---

Arahan ini dikeluarkan untuk menarik perhatian semua Pentadbir Tanah Jajahan Negeri Kelantan berhubung dengan Perisytiharan Sungai Di Bawah Subperenggan 13(I)(ii)(a) Kanun Tanah Negara 1965 yang telah dipekelilingkan melalui Pekeliling PTG KN. 1/2015.


2. Subperenggan 13(I)(ii)(a) Kanun Tanah Negara 1965 telah menetapkan bahawa pegawai yang diwakilkan kuasa oleh Pihak Berkuasa Negeri untuk melupuskan tanah tidak mempunyai kuasa untuk melupuskan tanah dalam kawasan yang telah diwartakan di bawah subperenggan tersebut (No. Warta Kerajaan 2402 bertarikh 9 Oktober 2014) seperti yang dilampirkan bersama Pekeliling PTG.KN.1/2015 yang telah diedarkan sebelum ini.

3. Sehubungan itu perwakilan kuasa melalui Warta Kerajaan KN. PU. 2/1992 kepada pegawai yang dimaklumkan dalam Warta Kerajaan tersebut tidak mempunyai bidang kuasa untuk melupuskan tanah dalam kawasan yang terlibat dengan pengisytiharaan sungai dibawah Subperenggan 13(I)(ii)(a) Kanun Tanah Negara 1965 tersebut.

4. Oleh itu semua Pentadbir Tanah Jajahan diminta mengambil ingatan selaras dengan peruntukan perenggan 13(I)(iii) Kanun Tanah Negara 1965 semua kertas untuk pertimbangan kelulusan pelupusan tanah yang berkenaan hendaklah diangkat kepada Pihak Berkuasa Negeri untuk kelulusan bukan kepada pegawai yang diwakilkan kuasa seperti Warta Kerajaan No. KN. PU. 8/1990 dan KN. PU 2/1992 atau lain-lain perisytiharan yang berkaitan dengan perwakilan kuasa untuk pelupusan tanah yang tidak dinyatakan dalam arahan ini, jika ada.

5. Melalui arahan ini Pentadbir Tanah Jajahan adalah diminta menyediakan kertas mengikut format kertas Majlis Mesyuarat Kerajaan untuk tujuan diangkat kepada Pihak Berkuasa Negeri bagi tujuan semua pertimbangan kelulusan pelupusan tanah yang terlibat dengan pewartaan rizab sungai seperti dibawah Subperenggan 13(l)(ii)(a) tersebut.

6. Arahan ini adalah berkuatkuasa serta merta.



.....  
DATO' HAJI MAZRAN BIN MUHAMMAD, D.P.S.K (Kelantan)  
PENGARAH TANAH DAN GALIAN  
KELANTAN

KEPADA :

*Semua Pentadbir Tanah Negeri Kelantan*

SALINAN KEPADA :

1. *YAB Dato' Ustaz Menteri Besar Negeri Kelantan.*
2. *YB Dato' Timbalan Menteri Besar Negeri Kelantan.*
3. *YB Dato' Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan.*
4. *YB Dato' Pegawai Kewangan Negeri Kelantan.*
5. *YB Dato' Penasihat Undang-Undang Negeri Kelantan.*
6. *YM Dato' Tengku Kaya Perkasa  
Pengarah Unit Perancang Ekonomi Negeri Kelantan.*
7. *YABrs. Pengarah Audit Negeri Kelantan*

8. *YABrs. Pengarah Perancang Bandar Dan Desa Negeri Kelantan*
9. *YABrs. Pengarah Pengairan Dan Saliran Negeri Kelantan.*
10. *YABrs. Ketua Penolong Setiausaha Majlis Mesyuarat Kerajaan Kelantan.*

PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN  
NEGERI KELANTAN  
BLOK 3, KOTA DARULNAIM  
15576 KOTA BHARU.

FAIL NO. : PTG.KN 32/69 Jld. 4 ( 8 )  
BERTARIKH : 04 Rejab 1437  
12 April 2016